

# Galaxy Note9 bukti kehebatan siri Note

**S**AMSUNG Electronic Co. Ltd., mengumumkan penambahan terbaharu bagi siri Note Premium dengan menampilkan Galaxy Note9.

Siri Note terbaharu itu meneruskan prestasi terbaik telefon pintar jenama Samsung dengan Pen S terkini serta kamera pintar yang mengagumkan kehebatannya.

Isa direka untuk tahap persembahan terbaik dengan kuasa dan kebijaksanaan yang diperlukan oleh pengguna pada hari ini.

Galaxy Note9 dilengkapi dengan bateri berkapasiti 4,000mAh yang boleh digunakan sepanjang hari.

Selain itu, ia juga didatangkan dengan dua storan dalaman iaitu 128 gigabit (GB) atau 512GB dan mempunyai ruang letak kad micro SD bagi membolehkan gambar serta video disimpan sebanyak mungkin.

Telefon pintar berkuasa tinggi itu

juga mempunyai pemproses 10nm bagi menyokong kelajuan rangkaian sehingga 1.2GB sesaat untuk aliran muat turun.

Bercerita mengenai evolusi Pen S, ia merupakan signatur bagi siri Note. Alat itu berfungsi untuk menulis dan melukis tetapi kini lebih banyak perkara yang boleh dilakukan.

Bersama dengan sokongan bluetooth low-energy, pengguna boleh melakukan pelbagai perkara seperti menekan satu klik untuk swafoto atau gambar berkumpulan,

persembahan slide dan memainkan video.

Di samping itu, Galaxy Note9 juga dilengkapi dengan kamera pintar untuk gambar yang sempurna.

Antara ciri kamera pintar itu ialah pemandangan optimum yang mengenal pasti adegan dan subjek secara automatik bagi menghasilkan imej menakjubkan

## ELEKTRO

### INFO Galaxy Note9

- Harga: RM3,699 hingga RM4,599 (bergantung kepada jenis storan)
- Mula dijual di Malaysia: 24 Ogos 2018
- Pengesanan: Tanpa waya
- Ciri-ciri penting:
  - Kamera pintar, pemandangan optimum dan pengesanan kesilapan



TELEFON pintar ini mempunyai tiga pilihan warna yang menarik iaitu hitam pekat, biru laut dan tembaga metalik.

dengan warna berani serta definisi dinamik.

Tidak ketinggalan, ciri pengesanan kesilapan bagi membolehkan pengguna mengetahui sekiranya ada kesilapan ketika merakam gambar.

Pemberitahu segera akan muncul di skrin telefon sekiranya imej itu kabur atau terlalu gelap.

Sehubungan itu, gabungan ciri-ciri menarik ini menjadikan kamera Galaxy Note9 adalah yang terbaik.

Ia didatangkan dengan teknologi pengurangan bunyi dan lensa dual aperture bagi melaraskan cahaya



SAMSUNG Galaxy Note9 didatangkan dengan dua storan dalaman iaitu 128GB dan 512GB.

dalam apa jua keadaan.

Menariknya, Galaxy Note9 mempunyai pengecasan pantas tanpa wayar, rintangan habuk dan air.

Model itu juga mempunyai keselamatan biometrik termasuk pengimbasan cap jari, pengimbasan iris dan keupayaan wajah untuk memastikan maklumat penting selamat.

Telefon itu boleh dibeli pada 24 Ogos ini dengan pilihan warna hitam pekat (*midnight black*), tembaga metalik, biru laut serta Pen S berona kuning.

Harga Galaxy Note9 dijual bergantung kepada jenis storan iaitu 128GB berharga RM3,699 dan 512GB (RM4,599).

# Skytider alat pemasang bunting pada tiang lampu

KERJA-KERJA memasang dan menurunkan bunting pada tiang lampu setiap kali menjalankan program di sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) sering mengundang kesukaran serta risiko kepada staf yang bertugas.

Kaedah pemasangan konvensional menggunakan medium sokongan seperti tangga akan membuka ruang kepada risiko seperti terjatuh, cedera ataupun terkena renjatan elektrik.

## INOVASI

Selain itu, kerja pemasangan dan penurunan bunting turut mengundang masalah termasuklah kerosakan kepada tanaman di sekitar tiang lampu, halangan daripada penghadang atau bahu jalan, memerlukan bilangan tenaga kerja ramai serta tempoh masa lebih panjang.

Sehubungan itu, Pegawai Penyelidik Putra Science Park, UPM, selaku ketua kumpulan Langit Putra, Asrizam Esam, menghasilkan alat penggantung



ASRIZAM menunjukkan alat Skytider yang mampu menggantung bunting dengan lebih selamat dan menjimatkan kos.

bunting yang dikenali sebagai Skytider.

"Sehingga kini, tidak ada kaedah yang benar-benar selamat untuk pemasangan bunting di luar bangunan sama ada di UPM atau dilakukan oleh pihak kontraktor luar.

"Skytider merupakan inovasi alat penggantung bunting di luar bangunan dan pada tiang tanpa menggunakan tangga

atau kren yang direka khas bagi memudahkan kerja-kerja penggantungannya," katanya.

Alat ini bercirikan mudah alih, ringan, mengurangkan tempoh masa pemasangan, murah dan boleh digunakan di pelbagai permukaan kawasan tanah di sekitar tiang yang berhalangan atau tidak rata.

Komponen besi pada bunting jenis *t-stand*, *x-stand* dan *roll-up*

bunting telah digunakan di dalam menghasilkan inovasi ini.

Kelebihan Skytider terletak kepada kebolehannya mengangkat bunting hingga ke paras ketinggian tiga meter iaitu paras yang sesuai menggantung bunting dan berkeupayaan mengikat bunting menggunakan tali pengikat.

Kaedah mengikat ini menjadikan kerja pemasangan lebih mudah dan cepat tanpa memerlukan penggunaan tangga atau kren yang berat, panjang serta kos tinggi.

Selain itu, pemasangan juga menjadi lebih mudah dan praktikal kerana boleh dikendalikan oleh seorang pemasang sahaja berbanding dua hingga empat orang bagi kaedah konvensional kerana menggunakan tangga atau kren.

Ia juga membantu memendekkan tempoh masa pemasangan lebih kurang 50 peratus dan mengurangkan kos pemasangan seperti menggunakan perkhidmatan kontraktor.

Paling penting keselamatan orang yang memasangnya lebih terjamin dan tidak merosakkan tanaman di sekitar tiang lampu.